



**PEMAIN UMSKAL Academic Team dan Pentadbiran bergambar kenangan sebelum mula di Gelanggang Futsal, Tanjung Purun, malam Jumaat lalu.**

## **UMSKAL Academic Team tewaskan Pentadbiran 7-4**

UB 9.10.2017 A15

**LABUAN:** Pasukan UMSKAL Academic Team menewaskan pasukan Pentadbiran 7-4 pada perlawanan futsal persahabatan yang diadakan di gelanggang futsal Perbadanan Labuan, Jalan Tanjung Purun, pada Jumaat.

Pasukan Academic Team yang menurunkan pemain terbaiknya menguasai perlawanan sebaik wisel dimulakan oleh pengadil.

Walaupun diberikan tantangan sengit oleh pasukan Pentadbiran, namun kelincahan pemain Academic Team berjaya menggagalkan serangan lawan.

Pasukan Academic Team diberisi pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan Fakulti Komputer Informatik (FKI) manakala pasukan

Pentadbiran diberisi staf sokongan.

Pengurus pasukan Academic Team, Dr Sudin Lada berkata perlawanan itu diadakan sebagai persiapan menghadapi Kejohanan Futsal Piala Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS yang dijadual bermula Januari 2018.

Walaupun pertandingan antara fakulti itu dianggap masih jauh lagi, pihaknya yang mendapat sokongan Dekan FKAL, Prof Madya Dr Hanudin Amin dan Dekan FKI, Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim muhu memastikan pasukan UMSKAL Academic Team memiliki pemain yang mantap.

“Pasukan UMSKAL Academic Team akan terus menjalani latihan termasuk

mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan di Wilayah Persekutuan Labuan sebelum menentang pasukan lain di Kejohanan Futsal Piala TNC Akademik 2018,” katanya di temui selepas menyaksikan kehebatan pemainnya menewaskan pasukan Pentadbiran.

Sementara itu, pengurus pasukan Pentadbiran, Mohizam Mohamad berkata perlawanan itu diadakan

untuk mengeratkan lagi hubungan persahabatan antara pensyarah dengan staf sokongan di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

“Kami berharap menerusi perlawanan futsal itu, hubungan baik yang sememangnya terjalin antara pensyarah dan staf sokongan akan berterusan untuk manfaat UMS Labuan,” katanya.